



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENUTUPAN PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI (CITEC), JTM 2025 ADTEC JERANTUT JABATAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA 13 FEBRUARI 2025

Majlis Penutupan Pertandingan Kreativiti Dan Inovasi atau dikenali sebagai CITEC 2025. Pertandingan telah berlangsung pada 12 hingga 13 Februari 2025 yang bertemakan “Integrasi Inovasi Ke Arah Kemampanan Agroteknologi”. Sekalung penghargaan kepada Yang Berbahagia Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia atas usaha penganjuran CITEC 2025 yang penuh gilang gemilang.

Di kesempatan ini Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua pemenang CITEC 2025 atas kejayaan yang diraih. Semoga kejayaan ini menjadi landasan untuk menyumbang kepada keperluan masyarakat dalam menghasilkan inovasi dan seterusnya meningkatkan keyakinan dan minat belia negara dalam memilih aliran TVET.

KONSEP DAN TEMA

Tema CITEC 2025 adalah “Integrasi Inovasi Ke Arah Kemampanan Agroteknologi”. Tema ini menggambarkan komitmen JTM sebagai penyedia TVET dalam menyokong usaha negara untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui penghasilan idea-idea kreatif untuk mencipta penyelesaian baharu kepada cabaran yang dihadapi khususnya dalam membangunkan sektor pertanian yang lestari dan mesra alam.

PENYERTAAN CITEC 2025

Pendaftaran CITEC 2025 telah bermula pada 20 November sehingga 31 Disember 2024. Penyertaan terbuka kepada semua peringkat termasuk Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA), Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS), agensi kerajaan, dan juga agensi swasta. Hal ini bertujuan untuk membuka lebih banyak persaingan di antara warga Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) serta mencungkil bakat-bakat pencipta dalam pelbagai lapisan masyarakat merentasi bidang dan agensi. Selain itu dapat mempromosikan 34 buah ILJTM seluruh negara.

PERTANDINGAN CITEC 2025

Sebanyak **272 penyertaan** telah diterima dalam CITEC 2025. Walaubagaimanapun, selepas penilaian peringkat pertama, sebanyak 222 telah dikenalpasti layak untuk ke peringkat akhir. Sebanyak 6 bidang penyertaan yang dipertandingkan iaitu Automasi, Peralatan & Proses Pembuatan, Elektrik dan Elektronik, ICT, Multimedia dan Telekomunikasi, Sivil dan Bangunan, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar serta Pengajaran dan Pembelajaran.

RAKAN KERJASAMA STRATEGIK

Tiga rakan kerjasama strategik JTM iaitu Bank Islam Berhad, Advance Retro Solution (ARS) Sdn. Bhd. dan Victorious Sdn. Bhd. turut menjadi penaja bersama kepada hadiah kemenangan bagi peserta Pertandingan Kreativiti & Inovasi (CITEC) 2025.

Sinergi yang terjalin antara sektor industri dan institusi TVET seperti ini merupakan contoh terbaik hubungan strategik yang mampu menjayakan program yang berimpak tinggi. Ia juga bukan sahaja dapat memperkukuh ekosistem TVET dan industri tetapi juga menjadi inspirasi kepada usaha-usaha lain yang memacu kemajuan negara.

PROMOSI TVET

Jabatan Tenaga Manusia turut mengambil peluang dengan mengadakan Karnival Teknologi Dan Kreativiti yang dibuka kepada orang awam di mana dilihat mampu mendekatkan masyarakat kepada pendidikan TVET. Antara aktiviti yang diadakan, hari terbuka TVET JTM, sesi perkongsian ilmu berkaitan inovasi di bengkel latihan, karnival kerjaya dengan kerjasama PERKESO, Wira KESUMA, pameran daripada pelbagai agensi kerajaan, Jualan Rahmah, dan banyak lagi.

Diharap Program seumpama ini juga dapat menyebarkan peluang dan inisiatif TVET yang disediakan oleh kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dalam usaha menarik minat pelajar lepasan sekolah bagi memilih bidang TVET dan sekali gus menjadikan TVET sebagai pilihan setara dengan akedamik.

JABATAN TENAGA MANUSIA

13 FEBRUARI 2025